

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ONG CHONG SWEN

TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 91

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pelaksanaan ujian Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) secara atas talian berkesan untuk memastikan pemandu bersedia sepenuhnya memandangkan tugas pemandu melibatkan kemahiran praktikal

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan latihan teori PSV secara atas talian atau dikenali sebagai ePSV adalah dibuat secara sementara iaitu bermula 1 Jun 2019 hingga 11 Oktober 2019. Pelaksanaan ini adalah mengambil kira untuk memastikan semua pemandu e-hailing berjaya menjalani ujian teori yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum tarikh penguatkuasaan secara sepenuhnya bermula 12 Oktober 2019. Penguatkuasaan secara *soft-landing* telah dimulakan pada 12 Julai 2019, bagi tempoh tiga (3) bulan, yang bertujuan mendidik dan memberi nasihat kepada pemandu e-hailing untuk mendapatkan lesen PSV.
2. Walaupun begitu, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ sentiasa memantau data calon yang dihantar sebelum dikemaskini supaya hanya calon yang telah melalui proses pembelajaran secara atas talian ePSV secara online sahaja layak untuk menduduki ujian teori PSV.
3. Selepas daripada tarikh pelaksanaan ePSV iaitu pada 11 Oktober 2019, semua calon yang ingin memohon lesen PSV perlu melalui prosedur sedia ada iaitu sesi latihan dan pengujian hanya dibuat di pusat latihan memandu yang diiktiraf oleh JPJ sahaja. 11

Sekian, terima kasih.